

DESA KITA MAMODEN

Nikmat kemudahan untuk semua: Dr. M

ALOR STAR, Khamis — Kampung-kampung di seluruh negara akan beransur-ansur menjadi kawasan bandar bagi membolehkan penduduknya menikmati kemudahan yang terdapat sebagaimana di bandar-bandar, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, sebahagian besar mereka yang tinggal di luar bandar enggan berhijrah ke bandar-bandar meskipun kemudahan yang lebih baik disediakan.

"Sebagai Kerajaan, kami tidak boleh membenarkan perkara ini berlaku kerana kami mahu memastikan seberapa banyak rakyat menikmati kemudahan yang disediakan di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan rancangan perumahan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) di Bukit Tinggi dekat Jitra, tidak jauh dari sini.

Kerja-kerja di rancangan tersebut bermula Jan ini dan apabila siap kelak ia mengandungi 500 rumah dan kedai.

Rancangan itu adalah yang pertama dimajukan oleh LUTH.

Perdana Menteri berkata, adalah sukar menyediakan kemudahan moden di kawasan luar bandar memandangkan rumah-rumah bertaburan.

Begitupun, katanya, dengan penempatan yang dimajukan oleh LUTH, lebih banyak kemudahan akan dibawa ke kampung-kampung.

Di kawasan bandar pula, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan melaksanakan rancangan pembaharuan bandar bagi memastikan mereka dari golongan pendapatan rendah juga menikmati kemudahan yang disediakan.

"Walaupun pelaksanaannya secara beransur-ansur tetapi apabila siap kelak, kedua rancangan tersebut dapat menjamin keadaan taraf hidup yang sama antara penduduk luar bandar dan kawasan bandar," katanya.

Semasa meraikan projek perumahan buih Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KELKA) di Naka, kira-kira 50 kilometer dari Alor Setar, Dr. Mahathir berkata usaha meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar seperti yang dijalankan kerajaan

sekarang bukanlah bererti kerajaan mementingkan kebendaan sahaja kerana projek-projek kerohanian juga diambil berat.

Tuduhan setengah pihak yang mengatakan kerajaan mementingkan wang semata-mata tidaklah benar kerana usaha ini adalah sebahagian daripada ibadat untuk kemajuan umat Islam sendiri.

"Islam menganjurkan kita berusaha meningkatkan taraf hidup agar kita senang menjalankan amal ibadat," tegas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyangkal tuduhan seperti itu kerana Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dipimpinya juga mementingkan soal-soal agama.

Katanya, usaha kerajaan seperti menghantar pelajar ke Timur Tengah dan menubuh Universiti Islam Antarabangsa, adalah sebahagian dari langkah meningkatkan syiar Islam di negara ini.

Memodenkan

"Kita mestilah mengimbang antara pembangunan kebendaan dan kerohanian kerana kedua-duanya perlu," tambah beliau.

Dalam keadaan berseloroh, Perdana Menteri berkata, adalah lebih baik mempunyai ramai rakyat yang hidup mewah kerana mereka lebih senang menunaikan zakat dan menunaikan fardhu haji.

Menyentuh projek perumahan buih itu, tambah beliau, ini menunjukkan nilai suci kerajaan untuk memodenkan daerah Naka yang dahulunya kurang dengan pembangunan.

Katanya, perusahaan membuat alat-alat pertukangan tangan seperti bakul dan tikar dari buluh, bukan lagi merupakan kerja sampingan kerana ia mempunyai pasaran yang luas di dalam dan luar negeri.

Kalau dulu penduduk-penduduk Naka terkenal dengan penjul tikar dan bakul di Pekan Rabu, Alor Star tetapi kini kerja sampingan itu diperbesarkan melalui kilang yang dapat mengeluarkan hasil yang banyak.

"Kerajaan akan berusaha memastikan barang-barang keluaran kilang ini mendapat pasaran yang terjamin," tambah beliau.

Sebelum itu, Menteri Besar, Datuk Karna Jaya, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin yang juga Pengerusi Keda, dalam ucapannya berkata projek tersebut bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk Naka tetapi juga membuka peluang perniagaan peralatan buih kepada penduduk di situ.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia